



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

MALAYSIA FRANCHISE EXPRESS (MYFEX) 2.0

**Modul:
PENDAFTARAN FRANCAISI**

**MANUAL PENGGUNA
- PENGGUNA**

KANDUNGAN

| | |
|---|-----------|
| Kandungan | 2 |
| 1. Pengenalan | 3 |
| 1.1. Objektif | 3 |
| 1.2. Skop | 3 |
| 1.3. Pengenalan Sistem <i>MyFEX 2.0</i> | 4 |
| 1.4. Senarai Jenis Permohonan Yang Terlibat Dalam | 4 |
| 2. Pendaftaran Francaisi Baharu | 5 |
| 2.1. Permohonan Pendaftaran Francaisi | 5 |
| 2.2. Bayar Fi Proses Permohonan Pendaftaran Francaisi | 8 |
| 2.3. Permohonan Yang Lulus | 10 |
| 2.4. Bayar Fi Pendaftaran Francaisi | 11 |
| 3. Permohonan Penamatan Pendaftaran Francaisi | 13 |
| 3.1. Mohon Penamatan Pendaftaran Francaisi | 13 |
| 3.2. Permohonan Yang Lulus | 14 |

1. PENGENALAN

1.1. OBJEKTIF

Objektif utama manual pengguna ini dibangunkan adalah untuk dijadikan sebagai rujukan dan garis panduan bagi pengguna untuk menggunakan laman sesawang **MyFEX 2.0** bagi aktiviti berkaitan pendaftaran perniagaan francaisi.

Setiap proses pendaftaran francaisi dalam sesawang **MyFEX 2.0** akan dijelaskan secara terperinci di dalam manual pengguna ini bagi membantu pengguna memahami langkah-langkah yang diperlu dilakukan.

Dokumen manual pengguna ini juga akan digunakan sebagai rujukan semasa aktiviti latihan pengguna dijalankan.

1.2. SKOP

Skop manual pengguna ini merangkumi fungsi-fungsi modul dalam **MyFEX** yang melibatkan pendaftaran francaisi yang diguna pakai oleh pihak syarikat industri perniagaan francais.

Fungsi-fungsi yang terkandung dalam manual pengguna ini melibatkan fungsi bisnes seperti berikut:

- a. Permohonan Pendaftaran Francaisi Baharu
- b. Permohonan Penamatan Pendaftaran Francaisi
- c. Bayaran Fi Proses dan Pendaftaran

1.3. PENGENALAN SISTEM *MyFEX* 2.0

Portal *MyFEX* mengandungi urusan pendaftaran perniagaan bagi pihak francaisor dan francaisi, pendaftaran konsultan dan juga pendaftaran broker. Ia merupakan laman sesawang untuk memudahkan proses memulakan perniagaan francais di Malaysia. Pengguna utama kepada sistem Portal MyFEX 2.0 ini adalah komuniti industri perniagaan francais dan agensi Kerajaan seperti berikut:

- (a) **Komuniti industri perniagaan francais** iaitu pihak syarikat francaisor termasuk individu/syarikat pihak konsultan dan juga pihak broker yang terlibat berkaitan dengan pendaftaran perniagaan francais; dan
- (b) **Agensi Kerajaan** pula dapat memberi informasi berkenaan prosedur perniagaan dan memantau perkembangan aktiviti perniagaan yang berdaftar dengan pihak Kerajaan.

Setiap pengguna samada komuniti perniagaan dan agensi Kerajaan perlu mendaftar sebagai pengguna yang sah bagi berinteraksi dengan perkhidmatan dalam talian yang ditawarkan di portal sistem MyFEX.

1.4. SENARAI JENIS PERMOHONAN YANG TERLIBAT DALAM

| Bil | Nama Pendaftaran | Jenis Permohonan | | | | Jenis Tindakan oleh KPDNHEP | |
|-----|------------------------|------------------|---------------|-------------|-----------|-----------------------------|----------------|
| | | Baharu | Pindaan Matan | Pembaharuan | Penamatan | Tindakan Gantung | Tindakan Tamat |
| 1 | Pendaftaran Francaisor | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| 2 | Pendaftaran Francaisi | ✓ | - | - | ✓ | - | ✓ |
| 3 | Pendaftaran Konsultan | ✓ | - | ✓ | ✓ | - | ✓ |
| 4 | Pendaftaran Broker | ✓ | - | ✓ | ✓ | - | ✓ |

2. PENDAFTARAN FRANCAISI BAHARU


Fungsi Permohonan Pendaftaran Francaisi ini adalah untuk pihak francaisor mendaftarkan syarikat francaisi mereka yang mana kedua pihak telah mempunyai perjanjian francais yang telah dipersetujui dan ditandatangani.

Proses permohonan pendaftaran francaisi ini memerlukan pegawai proses untuk memproses pendaftaran tersebut seterusnya perlu mendapatkan kelulusan daripada pihak Pendaftar.

Pemohon perlu muat turun senarai semak dokumen yang diperlukan pada menu **Muat Turun** sebelum meneruskan permohonan bagi mengelakkan dokumen tidak lengkap.

2.1. PERMOHONAN PENDAFTARAN FRANCAISI


1. Setelah log masuk sebagai francaisor berdaftar, pengguna akan dinavigasi kepada **Laman Utama** atau **Dashboard** pengguna seperti rajah berikut:



The screenshot shows the user dashboard with the following elements:

- Navigation bar: Laman Utama, Francaisor, **Francaisi** (highlighted in red), Pembayaran.
- Section: DASHBOARD
- Section: Francaisor (Permohonan aktif bagi modul francaisor)
- Buttons: Pendaftaran Baharu, Pindaan Matan, Pembaharuan Pendaftaran, Penamatan Pendaftaran.
- Section: Senarai Pendaftaran Baru
- Search: Tunjuk 10 kemasukan, Carian: [input field]
- Table with columns: No, Tarikh Hantar Permohonan, Nombor Rujukan Permohonan, Jenama Francais Dimohon, Nama Pemohon, Status Permohonan, Status Bayaran FI Proses, Status Bayaran FI Pendaftaran, Tindakan.
- Message: Tiada data yang terdapat dalam sistem
- Footer: Menunjukkan 0 hingga 0 daripada 0 penyertaan, Buttons: Sebelumnya, Seterusnya.

2. Hanya pendaftaran francaisor yang telah berjaya dan aktif sahaja dibenarkan untuk membuat permohonan pendaftaran bagi francaisi masing-masing.
3. Klik pada menu **Francaisi** seperti rajah di atas kemudian klik **Senarai Semua Permohonan > Pendaftaran Baharu**.



The screenshot shows the 'Senarai Semua Permohonan Francaisi' page with the following elements:

- Section: SENARAI SEMUA PERMOHONAN FRANCAISI
- Navigation: Laman Utama / Permohonan Pendaftaran Francaisi
- Search: Carian Umum, Carian... [input field]
- Buttons: **Mohon Baru** (highlighted in red)
- Section: Senarai Semua Permohonan Francaisi
- Table with columns: [checkbox], Tarikh Hantar Permohonan, Tarikh Dokumen Lengkap, Nombor Rujukan Permohonan, Jenama Francais Dimohon, Nama Pemohon, Status Permohonan, Status Bayaran FI Proses, Tindakan.
- Message: Tiada data yang terdapat dalam sistem
- Footer: Menunjukkan 0 hingga 0 daripada 0 penyertaan, Buttons: Sebelumnya, Seterusnya.

4. Klik pada butang **Mohon Baru** untuk membuat pendaftaran baharu.
5. Kemudian isikan maklumat yang diperlukan pada bahagian **Maklumat Pemohon** seperti berikut:

The screenshot shows the 'PERMOHONAN PENDAFTARAN' (Franchise Registration) form. At the top, there are four steps: 1. Maklumat Pemohon (highlighted), 2. Dokumen Penzahiran, 3. Dokumen Sokongan, and 4. Pengisytiharan. The form is divided into two main sections: 'SISTEM FRANCAISI' and 'ENTITI PERNIAGAAN'. Under 'SISTEM FRANCAISI', there are fields for 'Jenama Francaisi *' (a dropdown menu with 'Sila Pilih'), 'Negara Asal Jenama Francaisi', 'Kategori Perniagaan Francaisi', and 'Latar Belakang Tawaran Francaisi'. Under 'ENTITI PERNIAGAAN', there are fields for 'Nama Entiti Perniagaan *' and 'No. Entiti Perniagaan *'.

6. Setelah maklumat diisi, klik butang **Simpan** untuk ke bahagian seterusnya.

The screenshot shows the 'PERMOHONAN PENDAFTARAN' form at Step 2: 'Dokumen Penzahiran'. The progress bar at the top shows Step 2 is active. The form contains a dropdown menu for 'Versi dokumen penzahiran francais yang telah serah kepada pihak francais sebelum perjanjian francais ditandatangani. *' with 'Sila Pilih' as the selected option. Below this are fields for 'Tarikh Dokumen Penzahiran Dikeluarkan' and 'Tarikh Kuatkuasa Dokumen Penzahiran Francaisi'. There is a 'Dokumen Penzahiran' section with a 'Choose File' button and 'No file chosen' text. Below the file selection, there are instructions: 'Salinan bukti dokumen perjanjian francais yang telah ditandatangani dan setem *' and a list of requirements: 'Sila pilih fail jenis PDF sahaja.', 'Saiz maksimum untuk setiap fail adalah 5MB.', and 'Maksima 1 fail sahaja.'

7. Isikan maklumat yang diperlukan pada bahagian **Dokumen Penzahiran**.
8. Pengguna perlu memilih versi dokumen penzahiran yang ditawarkan kepada pihak francais tersebut.
9. Dokumen Perjanjian Francaisi tersebut haruslah dokumen yang telah ditandatangani dan dimati setem.
10. Setelah maklumat diisi, klik butang **Seterusnya**.

PERMOHONAN PENDAFTARAN Laman Utama / Permohonan Pendaftaran Francaisi

1. Maklumat Pemohon 2. Dokumen Penzahiran 3. Dokumen Sokongan 4. Pengisytiharan

Salinan Maklumat Pendaftaran Entiti Perniagaan. *

Choose File No file chosen

- Sila pilih fail jenis PDF sahaja.
- Saiz maksimum untuk setiap fail adalah 5MB.
- Maksima 1 fail sahaja.

Bagi entiti perniagaan tempatan, sila gunakan Profil Syarikat, Perniagaan atau Perkongsian Liabiliti Terhad yang disahkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau pun Profil Firma Guaman yang disahkan oleh Firma Guaman Malaysia (MLF).

Bagi entiti perniagaan asing, sila gunakan Profil Syarikat yang disahkan oleh pihak Pendaftaran Luar Negara berkenaan. Ia mesti diterjemahkan dalam bahasa Malaysia ataupun Inggeris.

Lain-lain Dokumen

11. Pada bahagian ini, pengguna perlu memuat naik semua Dokumen Sokongan yang berkaitan bagi menyokong permohonan.
12. Bagi pendaftaran semula francaisi, pengguna perlu memuat naik sijil pendaftaran & sijil kelulusan sedia ada pada ruangan 'Lain-lain Dokumen'. Syarikat yang pernah mendaftar berhak mendapatkan pengecualian bayaran pendaftaran.
13. Klik butang **Simpan** untuk ke bahagian seterusnya.

PERMOHONAN PENDAFTARAN Laman Utama / Permohonan Pendaftaran Francaisi

1. Maklumat Pemohon 2. Dokumen Penzahiran 3. Dokumen Sokongan 4. Pengisytiharan

PENTING. Sekiranya pendaftaran tidak diluluskan, pemohon harus membuat pembayaran Fi Proses bagi tempoh pemurnian pendaftaran.

Saya mengaku bahawa maklumat-maklumat yang terkandung di dalam permohonan ini adalah BENAR dan kenyataan-kenyataan adalah betul dan saya sedar adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Akta Francaisi 1998 (Pindaan) 2020 jika maklumat-maklumat yang diberikan itu adalah palsu

Nama Pemohon: Lim Kin Tat Sdn Bhd

No Entiti Perniagaan Pemohon: 383322-D

Sebelum Hantar

14. Setelah semua maklumat diisi dengan lengkap, pengguna boleh klik butang **Sebelum** untuk membuat semakan maklumat.
15. Pastikan pengisytiharan yang dibuat adalah benar dan klik butang **Hantar** untuk meneruskan hantar permohonan pendaftaran.
16. Halaman Penerimaan Permohonan akan dipaparkan seperti berikut:

PERMOHONAN PENDAFTARAN Laman Utama / Permohonan Pendaftaran Francaisi

PENERIMAAN PERMOHONAN
Maklumat permohonan anda telah diterima oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

| | |
|-------------------------------|------------------------------|
| Jenis Permohonan | Pendaftaran Francaisi Baharu |
| No. Rujukan Permohonan | MFE/FCI/00001/2021 |
| Nama Pemohon | ABC Enterprise |
| No. Entiti Perniagaan Pemohon | 102030405060 |
| Tarikh Hantar Permohonan | 22 November 2021 |

Permohonan tuan/puan akan diproses setelah bayaran fi pemprosesan bagi permohonan diterima.
Fi Pemprosesan: RM 50.00

[Bayar Sekarang](#)

2.2. BAYAR FI PROSES PERMOHONAN PENDAFTARAN FRANCAISI

1. Pemohon dikehendaki membuat bayaran fi proses dengan klik butang **Bayar Sekarang**. Pengguna juga boleh klik pada menu **Pembayaran > Belum Bayar** untuk ke halaman **Senarai Belum Bayar** untuk meneruskan pembayaran.

SENARAI BELUM BAYAR Laman Utama / Senarai Pembayaran


| No | Nombor Rujukan | Deskripsi Pembayaran | Amaun (RM) |
|--------------------------|--------------------|--|------------|
| <input type="checkbox"/> | MFE/FCI/00001/2021 | Fi Pemprosesan Bagi Pendaftaran Francaisi Baharu, Jenama Asing | 50.00 |
| Jumlah Dipilih | | | 0.00 |

Nama Syarikat / Individu *

MyCard / No. Kad Pengenalan *

Alamat *

Emel untuk notifikasi *

Cara Pembayaran * 

[Bayar](#)

2. Pilih dan klik pada bayaran yang diinginkan dan masukkan maklumat yang diperlukan. Kemudian klik butang **Bayar** untuk meneruskan ke pembayaran.

PENGESAHAN PEMBAYARAN Laman Utama / Pembayaran

| Nama Pembayar | Starbucks Coffee Sdn Bhd | | |
|-----------------|--|--------------------|-----------------------------------|
| MyCoid | 9808101020 | Kaedah Bayaran | Fpx |
| Nama Syarikat | Starbucks Coffee Sdn Bhd | No. Rujukan | 20211118054132teeca3001@gmail.com |
| Alamat Syarikat | Starbucks Coffee Sdn Bhd, Berjaya Time Square | | |
| No. | Keterangan Bayaran | Kod | Amaun (RM) |
| 1 | Fi Pemprosesan Bagi Pendaftaran Francaisor Baharu Jenama Asing | MFE/FSI/00001/2021 | 50.00 |

Payment

Please select bank.

Bank

AGRONet

Minimum RM 1.00 and maximum RM 30,000.00

FPX
Pay with Online Banking

By clicking on "proceed", you agree to the [terms and conditions of FPX.](#)

Proceed

- Pilih **Bank** dan klik butang **Proceed**. Halaman akan dinavigasi kepada sistem *Online Banking* mengikut bank yang dipilih.
- Setelah bayaran fi pemprosesan telah berjaya, pemohon akan dinavigasi kepada halaman **Maklumat Pembayaran** seperti berikut:

MAKLUMAT PEMBAYARAN Laman Utama / Pembayaran

| | | | |
|----------------------|----------------|--|--|
| Status Transaksi: | Berjaya | | |
| Nombor Transaksi: | 20211122095921 | | |
| Tarikh: | 2021-11-22 | | |
| Jumlah Bayaran (RM): | 50.00 | | |

| Nama Pembayar | ABC Enterprise | No. Resit | BPF/2021/000018 |
|-----------------|---|-----------------------|---------------------|
| MyCoid | 80102030405060 | Kaedah Bayaran | Fpx |
| Nama Syarikat | ABC Enterprise | No. Rujukan | 20211122095921 |
| Alamat Syarikat | No 7, Jalan Perindustrian 15/10 | Tarikh / Masa Bayaran | 2021-11-22 09:59:21 |
| No. | Keterangan Bayaran | Kod | Amaun (RM) |
| 1 | Fi Pemprosesan Bagi Pendaftaran Francaisi Baharu Jenama Asing | MFE/FCI/00001/2021 | 50.00 |

- Pemohon boleh memuat turun dan cetak resit pada butang **Cetak Resit**.
- Pemohon boleh melihat semula maklumat pendaftaran pada **Dashboard** atau pada Senarai Permohonan Aktif di menu **Francaisi > Permohonan Aktif**.

SENARAI PERMOHONAN AKTIF Laman Utama / Francaisi / Permohonan Aktif

Pendaftaran Baru 1 Penamatan 0

Senarai Pendaftaran Francaisi

Tunjuk kemasukan Carian:


| No | Kod Rujukan | Tarikh Hantar Permohonan | Nombor Rujukan Permohonan | Jenama Francaisi Dimohon | Nama Pemohon | Status Permohonan | Status Bayaran FI Proses | Tindakan |
|----|------------------------|--------------------------|---------------------------|--------------------------|------------------|-------------------|--------------------------|----------|
| 1 | FC1 (Francaisi Baharu) | 09/02/2022 | MFE/FCI/00008/2022 | Boost Juice | Boost Juice Bars | Semakan | Sudah Bayar | ... |

Menunjukkan 1 hingga 1 daripada 1 penyertaan

Sebelumnya 1 Seterusnya

2.3. PERMOHONAN YANG LULUS

1. Pemohon akan mendapat notifikasi pada emel yang didaftar dan juga pada sistem sekiranya permohonan telah diluluskan oleh Pendaftar KPDN.
2. Pemohon boleh melihat permohonan yang berstatus **Lulus** pada dashboard seperti berikut:




The screenshot shows a dashboard titled 'Francaisi' with a sub-header 'Permohonan aktif bagi modul francaisi'. There are two tabs: 'Pendaftaran Baharu' (1) and 'Penamatan Pendaftaran' (0). Below the tabs is a section 'Senarai Pendaftaran Baru' with a search bar and a 'Tunjuk 10 kemasukan' dropdown. The main content is a table with the following data:

| No | Tarikh Hantar Permohonan | Nombor Rujukan Permohonan | Jenama Francais Dimohon | Nama Pemohon | Status Permohonan | Status Bayaran Fi Proses | Status Bayaran Fi Pendaftaran | Tindakan |
|----|--------------------------|---------------------------|-------------------------|---------------------|-------------------|--------------------------|-------------------------------|----------|
| 1 | 03/07/2023 | MFE/FCI/00013/2023 | MS Apparel Store | Lim Kin Tat Sdn Bhd | Lulus | Sudah Bayar | Belum Bayar | ... |

At the bottom, it says 'Menunjukkan 1 hingga 1 daripada 1 penyertaan' and has navigation buttons 'Sebelumnya' and 'Seterusnya'.

3. Pemohon juga boleh melihat status pendaftaran yang telah lulus pada menu **Francaisi > Senarai Pendaftaran** seperti berikut:



The screenshot shows a page titled 'SENARAI PENDAFTARAN FRANCAISI'. It has a search bar and a 'Tunjuk 10 kemasukan' dropdown. The main content is a table with the following data:

| No. | Nombor Pendaftaran | Nama | Seksyen | Francaisor | Jenama | Status Pendaftaran | Tindakan |
|-----|--------------------|---------------------------------|---------|------------------------------|------------------|--------------------------------|----------|
| 1 | FC/00003/2023 | Lim Kin Tat Sdn Bhd 383322-D | 6B | M Sharif Sdn Bhd 383322-D | MS Apparel Store | Fi Pendaftaran | ... |

At the bottom, it says 'Menunjukkan 1 hingga 1 daripada 1 penyertaan' and has navigation buttons 'Sebelumnya' and 'Seterusnya'.

2.4. BAYAR FI PENDAFTARAN FRANCAISI

1. Untuk membuat bayaran Fi Pendaftaran, klik butang **Belum Bayar** pada Dashboard.

Francaisi
Permohonan aktif bagi modul francaisi

Pendaftaran Baharu 1 Penamatan Pendaftaran 0

Senarai Pendaftaran Baru

Tunjuk 10 kemasukan Carian:

| No | Tarikh Hantar Permohonan | Nombor Rujukan Permohonan | Jenama Francaisi Dimohon | Nama Pemohon | Status Permohonan | Status Bayaran Fi Proses | Status Bayaran Fi Pendaftaran | Tindakan |
|----|--------------------------|---------------------------|--------------------------|---------------------|-------------------|--------------------------|-------------------------------|----------|
| 1 | 03/07/2023 | MFE/FCI/00013/2023 | MS Apparel Store | Lim Kin Tat Sdn Bhd | Lulus | Sudah Bayar | Belum Bayar | ... |

Menunjukkan 1 hingga 1 daripada 1 penyertaan

Sebelumnya 1 Seterusnya

2. Pengguna juga boleh melihat senarai bayaran pada menu **Pembayaran > Belum Bayar**.

SENARAI BELUM BAYAR Laman Utama / Senarai Pembayaran

| No | Nombor Rujukan | Deskripsi Pembayaran | Amount (RM) |
|--------------------------|--------------------|---|-------------|
| <input type="checkbox"/> | MFE/FCI/00001/2021 | Fi Pemprosesan Bagi Pendaftaran Francaisi Baharu Jenama Asing | 50.00 |
| Jumlah Dipilih | | | 0.00 |

Nama Syarikat / Individu

MyCoId / No. Kad Pengenalan

Alamat

Emel untuk notifikasi

Cara Pembayaran

3. Pilih dan klik pada bayaran yang diinginkan dan masukkan maklumat yang diperlukan. Kemudian klik butang **Bayar** untuk meneruskan ke pembayaran.

PENGESAHAN PEMBAYARAN Laman Utama / Pembayaran

| | | | |
|-----------------|---|----------------|-----------------------------------|
| Nama Pembayar | Starbucks Coffee Sdn Bhd | | |
| MyCOID | 9808101020 | Kaedah Bayaran | Fpx |
| Nama Syarikat | Starbucks Coffee Sdn Bhd | No. Rujukan | 20211118054132teeca3001@gmail.com |
| Alamat Syarikat | Starbucks Coffee Sdn Bhd, Berjaya Time Square | | |

| No. | Keterangan Bayaran | Kod | Amount (RM) |
|-----|--|--------------------|-------------|
| 1 | Fi Pemprosesan Bagi Pendaftaran Francaisor Baharu Jenama Asing | MFE/FSI/00001/2021 | 50.00 |

Payment

Please select bank.

Bank


Minimum RM 1.00 and maximum RM 30,000.00

By clicking on "proceed", you agree to the [terms and conditions](#) of FPX.

- Pilih **Bank** dan klik butang **Proceed**. Halaman akan dinavigasi kepada sistem *Online Banking* mengikut bank yang dipilih.
- Setelah bayaran fi pemprosesan telah berjaya, pemohon akan dinavigasi kepada halaman **Maklumat Pembayaran** seperti berikut:

MAKLUMAT PEMBAYARAN Laman Utama / Pembayaran

Status Transaksi: Berjaya
Nombor Transaksi: 20211122095921
Tarikh: 2021-11-22
Jumlah Bayaran (RM): 50.00



| | | | |
|-----------------|---|-----------------------|---------------------|
| Nama Pembayar | ABC Enterprise | No. Resit | BPF/2021/000018 |
| MyCOID | 80102030405060 | Kaedah Bayaran | Fpx |
| Nama Syarikat | ABC Enterprise | No. Rujukan | 20211122095921 |
| Alamat Syarikat | No 7, Jalan Perindustrian 15/10 | Tarikh / Masa Bayaran | 2021-11-22 09:59:21 |
| No. | Keterangan Bayaran | Kod | Amount (RM) |
| 1 | Fi Pemprosesan Bagi Pendaftaran Francaisi Baharu Jenama Asing | MFE/FC/00001/2021 | 50.00 |

- Pemohon boleh memuat turun dan cetak resit pada butang **Cetak Resit**.
- Pemohon boleh membuat semakan pendaftaran yang telah berjaya dan aktif pada halaman Senarai Francaisi dengan klik pada menu **Francaisi > Senarai Pendaftaran**.

SENARAI PENDAFTARAN FRANCAISI Laman Utama / Francaisi

Carian

Tunjuk kemasukan

| No. | Nombor Pendaftaran | Nama | Seksyen | Francaisor | Jenama | Status Pendaftaran | Tindakan |
|-----|--------------------|---------------------------------|---------|------------------------------|------------------|--------------------|----------|
| 1 | FC/00003/2023 | Lim Kin Tat Sdn Bhd 383322-D | 6B | M Sharif Sdn Bhd 383322-D | MS Apparel Store | Aktif | ... |

Menunjukkan 1 hingga 1 daripada 1 penyertaan


Sebelumnya 1 Seterusnya

3. PERMOHONAN PENAMATAN PENDAFTARAN FRANCAISI

Permohonan Penamatan Francaisi adalah permohonan bagi menamatkan pendaftaran francaisi oleh pihak syarikat francaisor. Pihak francaisor perlu mengemukakan surat atau dokumen sah daripada syarikat bagi memohon penamatan pendaftaran francaisi tersebut.

3.1. MOHON PENAMATAN PENDAFTARAN FRANCAISI


1. Bagi memohon penamatan pendaftaran francaisi, klik pada menu **Francaisi > Senarai Pendaftaran**. Halaman **Senarai Francaisi** dipaparkan.



The screenshot shows the 'SENARAI PENDAFTARAN FRANCAISI' page. It features a search bar, a table with columns for No., Nombor Pendaftaran, Nama, Seksyen, Francaisor, Jenama, Status Pendaftaran, and Tindakan. The first row contains data for 'Lim Kin Tat Sdn Bhd' with registration number 'FC/00003/2023' and status 'Aktif'. A pagination bar at the bottom indicates 'Menunjukkan 1 hingga 1 daripada 1 penyertaan' and includes buttons for 'Sebelumnya', '1', and 'Seterusnya'.

| No. | Nombor Pendaftaran | Nama | Seksyen | Francaisor | Jenama | Status Pendaftaran | Tindakan |
|-----|--------------------|---------------------------------|---------|------------------------------|------------------|--------------------|----------|
| 1 | FC/00003/2023 | Lim Kin Tat Sdn Bhd 383322-D | 6B | M Sharif Sdn Bhd 383322-D | MS Apparel Store | Aktif | ... |

2. Pilih jenama francaisi yang ingin ditamatkan pendaftaran, klik pada butang tiga dot kemudian klik pada **Penamatan**.



This screenshot is identical to the previous one, but with a dropdown menu open for the first entry. The menu contains two options: 'Lihat' and 'Tamatkan Pendaftaran', with the latter highlighted by a red box.

| No. | Nombor Pendaftaran | Nama | Seksyen | Francaisor | Jenama | Status Pendaftaran | Tindakan |
|-----|--------------------|---------------------------------|---------|------------------------------|------------------|--------------------|----------|
| 1 | FC/00003/2023 | Lim Kin Tat Sdn Bhd 383322-D | 6B | M Sharif Sdn Bhd 383322-D | MS Apparel Store | Aktif | ... |

3. Halaman membuat penamatan pendaftaran akan dipaparkan.
4. Masukkan maklumat yang diperlukan seperti Surat Pengesahan dan juga Catatan Permohonan Penolakan. Setelah selesai klik butang **Seterusnya**.

MAKLUMAT PERMOHONAN PENAMATAN PENDAFTARAN FRANCAISI

Surat Pengesahan Permohonan Penamatan Rasmi Daripada Pihak Pemegang Pendaftaran*

Choose File No file chosen

- Sila pilih fail jenis PDF sahaja.
- Saiz maksimum untuk setiap fail adalah 5MB.
- Maksima 1 fail sahaja.

Catatan Permohonan Penamatan*

Seterusnya

5. Buat pengisytiharan dan klik butang **Hantar** untuk menghantar permohonan.

PERMOHONAN PENAMATAN PENDAFTARAN Laman Utama / Permohonan Penamatan Pendaftaran

1. Maklumat Permohonan Penamatan Pendaftaran Francaisor

2. Pengisytiharan

Saya mengaku bahawa maklumat-maklumat yang terkandung di dalam permohonan ini adalah BENAR dan kenyataan-kenyataan adalah betul dan saya sedar adalah menjadi suatu kesalahan di bawah **Akta Francaisi 1998 (Pindaan) 2020** jika maklumat-maklumat yang diberikan itu adalah palsu

Dengan ini saya memohon agar Permohonan Penamatan Pendaftaran Francaisi ini diluluskan.

Nama Pemohon: Lim Kin Tat Sdn Bhd

No Entiti Perniagaan Pemohon: 383322-D

Sebelum Hantar

3.2. PERMOHONAN YANG LULUS

1. Pemohon akan mendapat notifikasi pada emel yang didaftar dan juga pada sistem sekiranya permohonan telah diluluskan oleh Pendaftar KPDN.
2. Pemohon boleh melihat status permohonan pada menu **Francaisi > Senarai Semua Permohonan > Penamatan Pendaftaran** seperti berikut:

SENARAI PERMOHONAN PENAMATAN PENDAFTARAN Laman Utama / Penamatan Pendaftaran Francaisi

Show 10 entries Search:


| No | Kod Rujukan | Tarikh Hantar Permohonan | Nombor Rujukan Permohonan | Jenama Francaisi Dimohon | Nama Pemohon | Status Permohonan | Status Bayaran FI Proses | Tindakan |
|----|---------------------------------------|--------------------------|---------------------------|--------------------------|--------------------|-------------------|--------------------------|----------|
| 1 | FC4 (Penamatan Pendaftaran Francaisi) | 09/02/2022 | MFE/FC4/00001/2022 | Boost Juice | Boost Juice Bars 2 | Lulus | Sudah Bayar | *** |

Showing 1 of 1 entries

Previous 1 Next

3. Pemohon juga boleh melihat permohonan yang telah diluluskan penamatan pada menu **Francaisi > Senarai Pendaftaran** seperti berikut:

SENARAI FRANCAISI Laman Utama / Francaisi

 Carian

Show entries

| No. | Nombor Pendaftaran | Nama | Francaisor | Jenama | Status | Tindakan |
|-----|--------------------|---|---|-------------|-----------------------------|----------|
| 1 | FC/00006/2022 | Boost Juice Bars 2 201901000005 (1312525-A) | Boost Juice Bars 201901000005 (1312525-A) | Boost Juice | Tidak Aktif (Ditamatkan) | ... |

Showing 1 to 1 of 1 entries Previous **1** Next

4. Pemohon boleh melihat status pada pendaftaran tersebut telah **Tamat**.